



Baju Pengantin Mak Andam

Areila Sahimi

Download now

Read Online ➔

Baju Pengantin Mak Andam

Areila Sahimi

Baju Pengantin Mak Andam Areila Sahimi

Aleeya dan Zain berjumpa di majlis perkahwinan pelanggan Kak Ana. Mereka asalnya bukannya sebulu. Namun kalau Zain dah menghulurkan salam perkenalan, Aleeya pun tak adalah nak jual mahal sangat. Jalan Ajerlah. Sebab Aleeya bukan jenis orang yang sombong tak bertempat.

Aleeya dan Zain bermula sekadar kawan biasa, kemudian mereka mula masuk fasa teman tapi mesra. Zain kata sayang. Zain kata cinta. Tapi Aleeya blur tak tahu nak kata apa sebab dia tak tahu apa yang dia rasa. Yang dia tahu dia fobia untuk jatuh cinta sebab takut kene tinggal, dia takut kecewa macam pernah dia lalui sebelum ini. Dia jadi sangat keliru.

Tiba-tiba badai datang melanda. Dari teman tapi mesra jadi musuh yang langsung tak boleh tengok muka. Jauh di mata, perlukah jauh di hati juga? Namun ribut taufan itu, rindu tetap bertandang di hati, sayang sudah sedia bertenggek di jiwa. Kenapa dibina tembok ego di antara dua hati ini jika bahagia itu sudah berada di depan mata?

Lalu siapakah yang harus mengambil inisiatif untuk menyelamatkan hubungan ini? Biar simpul dileraikan, biar kusut yang dilembutkan, biar yang serabut dirapikan, Biar jadi wangi macam sediakala. Aleeya? Zain? Kak Ana? Rozy? Azizul?

"Zain, sekeras-keras aku, rock-rock kapak aku, seselamba mana pun aku Zain, aku masih seorang perempuan. Yang tahu rasa malu bila tiba part nak luahkan isi hati." ~Aleeya~

"Biarpun dia serabut, dia kusut, dia jiwa kacau, dia suka teh tarik mamak sekalipun, pada aku dia tetap teristimewa." ~Zain~

Baju Pengantin Mak Andam Details

Date : Published August 1st 2009 by Kaki Novel Enterprise (001547975-A)

ISBN :

Author : Areila Sahimi

Format : 524 pages

Genre :



[Download Baju Pengantin Mak Andam ...pdf](#)



[Read Online Baju Pengantin Mak Andam ...pdf](#)

Download and Read Free Online Baju Pengantin Mak Andam Areila Sahimi

From Reader Review Baju Pengantin Mak Andam for online ebook

Intan Musa says

Best! Aleeya dan Zain bertemu di majlis perkahwinan Kak Lina dan Abang irfan. Riuh bagai nak mercun. Ada saja yang digaduhkan tapi dari detik itu mereka mula mengenali hati budi masing-masing. Zain selalu melafazkan kata sayangnya tapi Aleeya masih mendiamkan diri kerana malu. Zain dan Aleeya terpaksa berjauhan kerana tugas. Mereka jarang dapat mengucapkan kata rindu kerana kesibukkan masing-masing lalu kasih yang disemi dicuba. Apabila Zain ternampak Azizul bersama Aleeya, Zain mula sangsi. Dua tahun, mereka berpisah. Akhirnya, Zain dapat tahu bahawa dia telah salah sangka dengan kekasih hati tapi skarang dia bingung macam mana nak pujuk Aleeya. Akhirnya, disuruh ibu-bapanya merisik Aleeya. Di hari itu sengketa hati terlerai sudah. Mereka bahagia kembali bersama.
Simple tapi best!

nilam says

suka dgn cara zain-aleeya ni kenal... dgn terjadinya aleeya mak andam terjun boleh pulak bertemu jodoh dgn si pengapit...happy ending!!

Syuhadah says

Mula-mula baca watak Aleeya ni macam kerek gila then bila dah tahu watak dia memang jenis mcm tu then okay. Pastu,muncul watak Zain yang membuatkan cerita ni makin lawak dan nampak sangat ego memasing dalam cite ni. Overall,semua best! :D

Ain says

Tajuk buku : Baju Pengantin Mak Andam
Penulis : Areila Sahimi
Keluaran : Kaki Novel
Halaman : 524 m/s

Ulasan Ain Sabrina :

Aleeya dan Zain, mereka terjumpa di satu majlis perkahwinan. Saat itu, Aleeya terpaksa menjadi Mak Andam mengganti tempat Kak Ana. Awalnya, mereka asyik bertingkah. Ada saja yang tak kena. Namun itu yang menarik hati Zain untuk berkawan dengan Aleeya. Aleeya pun menyambut huluran persahabatan. Mereka berkawan, SMS , chatting juga kadang-kadang makan bersama di kedai mapley.

Dari sembang-sembang kosong, Zain mula berani meluahkan rasa. Zain kata rindu dan juga kata cinta. Aleeya pula tak tahu apa kata hati. Lalu mereka bersetuju talian persahabatan mesti diteruskan . Dari fasa kawan biasa mula naik pangkat ke teman tapi mesra. Hinggalah Aleeya berkongsi kisah dukanya dengan kekasih

lamanya, Azizul pada Zain. Zain selamba memberi nasihat dan mengembirakan kembali Aleeya.

Tak lama selepas itu, Zain terpaksa bekerja luar jauh nun di Langkawi. Saat itu ada rasa rindu yang bertamu antara mereka. Hanya Zain yang berani meluahkan rindu sedangkan Aleeya memendam rasa rindu yang ada. Sehingga ada satu salah faham berlaku. Zain terasa dipermainkan. Sedangkan pada saat itu kasih Aleeya hanya buat Zain, namun rasa itu lambat diluahkan lalu Zain bersangka dia bertepuk sebelah tangan.

Aleeya cuba membetulkan keadaan namun Zain masih dengan salah fahamnya. Terasa seperti perhubungan ini tak dapat diselamatkan lalu sepi menyelubungi hubungan mereka berdua. Dari mesra yang amat berubah ke terputus hubungan. 2 tahun tanpa kata, akhirnya Zain kembali muncul di hadapan Aleeya. Namun sekali lagi salah faham timbul. Apakah penyelesaiannya? Atau mereka memerlukan bantuan yang lain untuk menyelesaikan simpulan hubungan rumit mereka ini?

Komen Ain Sabrina :

Ini novel pertama Areila Sahimi yang saya baca. Selepas baca buku ini , saya rasa saya suka cara penulisan Areila Sahimi yang selamba, baru saya terniat beli buku kedua Areila Sahimi yang bertajuk Iman Suraya.

Seperti watak Suraya dalam Iman Suraya, watak Aleeya ini juga watak 'happy go lucky' dan selamba yang amat. Membaca gaya dan bahasa Aleeya boleh buat saya tersengih memanjang. Watak Zain tak kurangnya, juga selamba yang amat. Mungkin disebabkan dua watak utama ini seakan ada keserasian, mereka boleh berkawan dan berkongsi macam-macam.

Kisah mereka mudah. Berkenalan, bersahabat sehinggalah berkongsi rasa, ternyata tiada unsur dongeng di situ. Ia bagaikan kisah kita dan orang sekeliling kita.

Ada juga diselitkan kisah Aleeya dan kekasih lamanya, Azizul. Watak Azizul yang dari awal diburukkan wataknya membuatkan kita tidak teragak-agak memilih watak Zain sebagai jejak pilihan buat Aleeya.

Watak Zain, watak lelaki idaman. Dikisahkan walaupun watak Aleeya, watak wanita biasa namun bagi Zain, Aleeya tetap istimewa. Ibarat kata-katanya yang dipetik dari muka depan novel ini-

“Biarpun dia serabut, dia kusut, dia jiwa kacau, dia suka teh tarik mamak sekalipun, pada aku dia tetap teristimewa” –Zain-

Mudah bagi seorang wanita, bila lelaki yang dia sayang turut sayang pada dia seadanya, hati wanita itu sudah cukup terisi.

Dan yang menariknya lagi watak Aleeya walaupun selamba masih ada adat ketimurannya lagi. Berkawan tapi masih menjaga adat dan tata susilanya sebagai wanita melayu. Bak katanya

“ Zain, sekeras-keras aku, Zain, aku masih seorang perempuan. Yang tahu rasa malu bila tiba bab nak luahkan isi hati.” –Aleeya-

Kisahnyanya mudah namun watak-wataknya dalam kisah ini buat saya terus membaca dalam senyuman. ^^

rara says

takleh g novel ni. banyak ayat yg tak perlu pon ada jugak dlm novel ni. baca lompat2.. sinopsis mmg best. tp takleh g.

Zahidah says

I hope this made it to TV..since its TV nowadays made shows out of novels. Rarely read Malay novels but this is real funny and enjoyable.

kuzzeen says

Aku tewas di mukasurat 116 daripada 524 helaian. Kira oklah, lebih sikit daripada 22%.

Tewas sepertimana Megatron dismackdown oleh Autobots. Celaru dengan monolog dalaman yang keliru antara 1st and 3rd person POV.

Pening kepala sama ketika melihat scene Sam Witwicky dan Mikeala yang kelam kabut mencari cermin mata Archibald Witwicky. Pada masa yang sama parents mengetuk pintu, siap ngan lampu suluh dan bahasa2 yg x mampu didengar. Time tu jugak geng2 Autobots tengah main aci-lut kat backyard.... :(

Rehan Abd Jamil says

not bad, since i rarely read malay novels:) gud job ms areila!

Penulisan2u says

Novel yang menarik, kelakar dan penggunaan ayat yang sempoi..

Alreinsy says

nice story of sweet couple... luv it

Kaki Novel says

Penulis : Areila Sahimi

RM Semenanjung : RM18

RM Sabah Dan Serawak : RM21

Pertembungan empat mata di antara Aleeya (mak andam 'terjun') dan Zain (pengapit pengantin lelaki) telah mengundang sebuah persahabatan yang unik tetapi kelakar.

Aleeya yang bersifat 'kerek' tetapi jujur dengan kata-katanya telah berjaya mencuit hati Zain. Zain cuba untuk membawa hubungan mereka lebih jauh, namun Aleeya 'blur'. Maka Zain cuba mengikut rentak yang

dimainkan oleh Aleeya dengan harapan dapat menjinakkan si pujaan hati.

Tatkala Aleeya mula membuka pintu hatinya untuk menerima Zain, Azizul muncul semula. Hidup Aleeya semakin berserabut apabila Lily, isteri Azizul merayu kepadanya supaya melupakan Azizul, sedangkan Azizul terus-terusan menagih semula cintanya.

Satu insiden yang mencurigakan di antara Aleeya dan Azizul telah menghancurkan kepercayaan Zain terhadap Aleeya. Lalu Zain membawa diri untuk mengubati luka di hati. Dua tahun mereka terputus hubungan, namun masing-masing separuh gila merindui di antara satu sama lain.

Siapakah yang boleh menyambungkan semula hubungan Aleeya dan Zain? Merasakah mak andam menyarungkan baju pengantin ke badannya? Ikutilah rentetan perjalanan kisah cinta Aleeya dan Zain yang penuh dengan dialog 'kerek' dan lucu ini.

Ana Farhana says

Pertembungan empat mata di antara Aleeya (mak andam 'terjun') dan Zain (pengapit pengantin lelaki) telah mengundang sebuah persahabatan yang unik tetapi kelakar.

Aleeya yang bersifat 'kerek' tetapi jujur dengan kata-katanya telah berjaya mencuit hati Zain. Zain cuba untuk membawa hubungan mereka lebih jauh, namun Aleeya 'blur'. Maka Zain cuba mengikut rentak yang dimainkan oleh Aleeya dengan harapan dapat menjinakkan si pujaan hati.

Tatkala Aleeya mula membuka pintu hatinya untuk menerima Zain, Azizul muncul semula. Hidup Aleeya semakin berserabut apabila Lily, isteri Azizul merayu kepadanya supaya melupakan Azizul, sedangkan Azizul terus-terusan menagih semula cintanya.

Satu insiden yang mencurigakan di antara Aleeya dan Azizul telah menghancurkan kepercayaan Zain terhadap Aleeya. Lalu Zain membawa diri untuk mengubati luka di hati. Dua tahun mereka terputus hubungan, namun masing-masing separuh gila merindui di antara satu sama lain.

Siapakah yang boleh menyambungkan semula hubungan Aleeya dan Zain? Merasakah mak andam menyarungkan baju pengantin ke badannya? Ikutilah rentetan perjalanan kisah cinta Aleeya dan Zain yang penuh dengan dialog 'kerek' dan lucu ini.

Zuraimah Ismail says

Pinjam buku Kakak Fatin.

Citer dia ringan je tapi syiok jugala layan di kala kepala takmo pk yang berat-berat. Watak Aleeya dan Zain tu memang comel. Gaduh-gaduh tapi suka...: sweetlahhhh

Aleeya ni jual mahal mula2, takmo buka pintu hati untuk Zain walaupun Zain dah bagitau perasaan dia kat Aleeya. Bila Zain merajuk, pandai pula Aleeya risau sampai sanggup pergi Langkawi untuk jumpa Zain..tapi....sebabkan ada salah sangka, makanya terbiar je perasaan masing2 selama 2 tahun...

Lepas 2 tahun, baru each other tau true story...pastu diorang pun start cintan cintun semula and kawin...:)

Yang bestnya, baju pengantin Aleeya ni didesign oleh Aleeya sendiri. Tapi design menjadi kenyataan tanpa pengetahuan dia sebab Zain sorok2 berpakat dengan kawan/kakak yang dengan Aleeya ni...

Banyak adegan bertikam lidah yang comel..and saya suka...:)

Emiko Salim says

first half of the book - quite enjoyable. lepas tu terus rasa nak campak ke dinding. last sekali buku selamat diderma.

Gobokairina says

Mengenali karya penulis di penulisan2u sebelum aku beralih ke laman blog penulis yang mulanya berwarna coklat sebelum bersalin baju warna hitam ;D Tak silap sekitar tahun 2008, aku kenal Areila Sahimi atau nama pena di blognya -akubintangbiasa. Actually aku je yang kenal, tapi Cik Penulis ni tak pernah kenal aku pun hik3 lalala5

BPMA cerita santai yang penuh humor. Tiada konflik yang buat rasa nak campak buku ke, marah dekat watak jahat ke! Senang cerita ia cerita yang akan buat anda tersenyum sorang-sorang dengan perjalanan cerita yang mudah dan penggunaan bahasa pertuturan kita seharian [walaupun menggunakan loghat Perak, rasanya mudah faham:]. Cerita ni sesuai sangat untuk kamu yang mahukan hiburan dan melepaskan stres di kepala. Ia cerita yang bersahaja walaupun ada masanya aku rasa sedikit meleret. Namun sebagai karya pertama aku rasa ia tidaklah mengecewakan ;D

Aleeya – gadis yang memang selamba habis! Bekerja sebagai P.A di Putrajaya namun ada masanya tenaganya juga dikerah untuk membantu Kak Ana sebagai mak andam. Kesnya sering terjadi bila dia balik kampung – Ipoh mali ni! Dia diminta menjadi mak andam ‘terjun’ di majlis perkahwinan Harlina. Mahu tak mahu, Aleeya menurut. Ketika dia ‘sesat’ ke rumah pengantin, dia bertemu dengan mamat bajet hensem; Zain ;P Ingatkan kes itu tamat di situ namun siapa sangka dia terjumpa balik dengan Zain di majlis Harlina.

Paling lawak pastinya di saat dia ‘dipinjam’ oleh Zain; si pengapit lelaki untuk membetulkan sampinnya. Terbayang pula sesi cucuk pin tu! Kerek benor Che Aleeya ni ya? hahaha ;P Walaupun kasar bahasa atau cara Aleeya itu tidak pernah buat Zain menjauh. Niat hati Zain untuk berkenalan dan rapat dengan Aleeya tetap diteruskan. Pelbagai cara dan usaha yang dilakukan namun semuanya ditolak baik oleh Aleeya. Akibat putus cinta dengan Cikgu Azizul buat Aleeya serik untuk menerima cinta Zain. Akhirnya mereka kekal sebagai kawan atau lebih tepat teman tapi mesra hik3 lalala5

Namun cara Zain sedikit sebanyak mampu membuai hati perempuan Aleeya. Dalam diam hati sudah terpaut tapi kes Cikgu Azizul yang muncul tiba-tiba buat Zain salah faham. Pergaduhan tercetus dan si Zain yang terlalu menurutkan hati lukanya pergi membawa diri. Dan-dan je Zain yang selalu cool tu boleh terlampau sensitif sampai penjelasan dari Aleeya pun tak mahu dengar.
